



5 April 2022
5 April 2022
P.U. (A) 95

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN PERANTI ROKOK ELEKTRONIK) 2022

TRADE DESCRIPTIONS (CERTIFICATION AND MARKING OF ELECTRONIC CIGARETTE DEVICE) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN
(PERAKUAN DAN PENANDAAN PERANTI ROKOK ELEKTRONIK) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Ogos 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“alat ganti” ertinya apa-apa komponen yang boleh ditukar ganti pada suatu peranti rokok elektronik;

“peranti rokok elektronik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Standard Malaysia MS 2716 – Peranti rokok elektronik – Keperluan keselamatan dan kaedah pengujian.

Pihak berkuasa yang berwibawa

3. Bagi maksud Perintah ini, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. hendaklah menjadi pihak berkuasa yang berwibawa yang disebut dalam subseksyen 29(3) Akta untuk memperakukan dan mengeluarkan suatu penandaan bahawa suatu peranti rokok elektronik atau alat ganti mematuhi Standard Malaysia MS 2716.

Permohonan perakuan

4. (1) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa peranti rokok elektronik atau alat ganti hendaklah memohon kepada pihak berkuasa yang berwibawa untuk mendapatkan perakuan bagi peranti rokok elektronik atau alat ganti itu.

(2) Peranti rokok elektronik atau alat ganti yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah—

(a) diperakukan sebagai telah mematuhi Standard Malaysia MS 2716 oleh pihak berkuasa yang berwibawa; dan

(b) ditandakan dengan tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Penandaan peranti rokok elektronik atau alat ganti

5. Mana-mana peranti rokok elektronik atau alat ganti yang hendak ditandakan mengikut subsubperenggan 4(2)(b) hendaklah ditandakan dengan menampalkan tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual pada kedudukan yang mudah dilihat pada—

(a) peranti rokok elektronik atau alat ganti itu; atau

(b) apa-apa bekas yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya peranti rokok elektronik atau alat ganti itu dibekalkan.

Kesalahan

6. Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau

- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

JADUAL
[Perenggan 4 dan 5]



Dibuat 31 Mac 2022
[KPDN(PUU)(PU2)26/5/5; PN(PU2)120/IX]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

TRADE DESCRIPTIONS ACT 2011

TRADE DESCRIPTIONS
(CERTIFICATION AND MARKING OF ELECTRONIC CIGARETTE DEVICE) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by section 29 of the Trade Descriptions Act 2011 [Act 730], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Trade Descriptions (Certification and Marking of Electronic Cigarette Device) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 3 August 2022.

Interpretation

2. In this Order—

“spare part” means any interchangeable component of an electronic cigarette device;

“electronic cigarette device” has the meaning assigned to it in the Malaysian Standard MS 2716 – Electronic cigarette device – Safety requirements and test methods.

Competent authority

3. For the purposes of this Order, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. shall be the competent authority referred to in subsection 29(3) of the Act to certify and issue a marking that an electronic cigarette device or spare part complies with the Malaysian Standard MS 2716.

Application for certification

4. (1) Any person who supplies or offers to supply any electronic cigarette device or spare part shall apply to the competent authority to obtain the certification for the electronic cigarette device or spare part.

(2) The electronic cigarette device or spare part referred to in subparagraph (1) shall be—

- (a) certified as having complied with Malaysian Standard MS 2716 by the competent authority; and
- (b) marked with the mark as specified in the Schedule.

Marking of electronic cigarette device or spare part

5. Any electronic cigarette device or spare part which is to be marked in accordance with subsubparagraph 4(2)(b) shall be marked by affixing the mark as specified in the Schedule in a conspicuous position at—

- (a) the electronic cigarette device or spare part; or
- (b) anything in, on or with which the electronic cigarette device or spare part is supplied.

Offence

6. Any person who fails to comply with any provision of this Order, commits an offence and shall, on conviction—

- (a) if such person is a body corporate, be liable to a fine not exceeding two hundred thousand ringgit, and for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit; or
- (b) if such person is not a body corporate, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both, and for a second or subsequent offence, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

SCHEDULE
[Paragraphs 4 and 5]



Made 31 March 2022
[KPDN(PUU)(PU2)26/5/5; PN(PU2)120/IX]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs